

HIBAH KOMPREHENSIF (HARTANAH)

TERMA & SYARAT

SEMAKAN DISEMBER 2025



Wasiyyah
وصيه

WASIYYAH SHOPPE BERHAD

200401012968 (651471-T)

A-G-07, Dataran Cascades, No, 13A, Jalan PJU 5/1,
PJU 5 Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan



WasiyyahShoppeBhd



TVWasiyyah

www.wasiyyahshoppe.com.my

TERMA DAN SYARAT
JENIS PRODUK: HIBAH HARTANAH (KOMPREHENSIF).

PERUNTUKAN TERMA

‘**Syarikat**’ merujuk kepada Wasiyyah Shoppe Berhad 200401012968 (651471 – T) sebuah syarikat amanah berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah 1949, organisasi yang berkepakaran di dalam pengurusan harta pusaka dan perancangan harta secara Syariah yang beralamat di A-G-07, Dataran Cascade, No 13A, Jalan PJU 5/1, Kota Damansara PJU 5, 47810 Petaling Jaya, Selangor atau apa-apa alamat perniagaan yang akan dimaklumkan dari masa ke semasa kepada **Pelanggan**.

‘**Pelanggan**’ merujuk kepada individu yang namanya tercatat di dalam KAD LEGASI, sijil perkhidmatan dan sistem **Syarikat**. **Pelanggan** ialah pihak yang telah membayar untuk mendapatkan perkhidmatan seperti yang telah ditetapkan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini dan langganannya kekal sah mengikut **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

‘**Dokumen Pengisytiharan Hibah**’ merujuk kepada dokumen yang dibuat oleh **Pelanggan** dengan **Syarikat** bagi menzahirkan hasratnya untuk menghibahkan hartanya kepada sesiapa yang dikehendaki berdasarkan Hukum Syarak.

‘**Penerima Hibah**’ merujuk kepada individu / pihak yang diberikan Hibah oleh **Pelanggan**.

‘**Terma dan Syarat Perkhidmatan**’ merujuk kepada segala peruntukan **Terma Dan Syarat Perkhidmatan** yang dinyatakan di sini yang menetapkan spesifikasi perkhidmatan yang diterima **Pelanggan** serta telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak **Syarikat** dan **Pelanggan**.



Wasiyyah
وصيه

‘**Terma dan Syarat hibah**’ merujuk kepada dokumen yang menyatakan apa-apa arahan yang pemberi hibah hendak penerima hibah laksanakan selepas penerimaan hibah berkaitan hasil agihan harta.

ISI KANDUNGAN

1.	PERUNTUKAN AM.....	4
1.1	MAKLUMAT AM.	4
1.2	FI PERKHIDMATAN.	5
1.3	TEMPOH BERTENANG.	6
1.4	APA YANG PELANGGAN AKAN TERIMA DI DALAM TEMPOH 30 HARIBEKERJA DARIPADA TARIKH PENDAFTARAN HIBAH.	7
1.5	KAD PELANGGAN (KAD LEGASI) & SIJIL	9
1.6	TANGGUNGJAWAB SYARIKAT.	9
1.7	KELAYAKAN PELANGGAN (PEMBERI HIBAH)	10
1.8	PENERIMA HIBAH.	11
1.9	PEMEGANG AMANAH.....	13
1.10	PEMBATALAN HIBAH.....	14
1.11	TANGGUNGAN KOS PROSES PENGESAHAN HIBAH DI MAHKAMAHTINGGI SYARIAH DAN / ATAU MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH.	14
1.12	AKAUN TABARRU'.	15
1.13	TEMPOH KUATKUASA PERKHIDMATAN MENGIKUT TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN. 19	
1.14	TINDAKAN YANG PERLU DILAKUKAN OLEH PENERIMA HIBAH /PEMEGANG AMANAH SELEPAS KEMATIAN PELANGGAN.....	19
1.15	TANGGUNGJAWAB PELANGGAN.....	20
1.16	MAKLUMAN UMUM BERKAITAN PROSES TUKARMILIK HARTANAH YANGDIHIBAHKAN. .	22
1.17	PENAMBAHAN HARTANAH UNTUK DIHIBAH PADA MASA HADAPAN.	24
1.18	PENYATA AKHIR PROSES PENGESAHAN HIBAH.	24
2.	MANFAAT UNTUK PELANGGAN / PENERIMA HIBAH	25
2.2	PERKHIDMATAN PERUBAHAN DOKUMEN PENGISYTIHARAN HIBAH.	25
2.3	PERKHIDMATAN PENYEDIAAN AKUAN PEMBATALAN HIBAH.	26
2.4	PERKHIDMATAN RUNDINGCARA UNTUK PENERIMA HIBAH, PEMEGANG AMANAH DAN SEMUA PIHAK YANG BERKEPENTINGAN TERHADAP HARTA.	27
2.5	PERKHIDMATAN MENYIMPANSELAMAT DOKUMEN (<i>DOCUMENTSAFEKEEPING SERVICE</i>)	28
2.6	PERKHIDMATAN PENGESAHAN HIBAH DI MAHKAMAH SYARIAH.....	28
3.	NOTIS PINDAAN.....	30
4.	CUKAI, LEVI ATAU OBLIGASI STATUTORI KERAJAAN.....	31
5.	INDEMNITI SYARIKAT	32

1. PERUNTUKAN AM

1.1 MAKLUMAT AM.

- 1.1.1 Apa itu **'HIBAH'**? **'HIBAH'** ialah satu kaedah perancangan agihan harta yang dizahirkan melalui **'Dokumen Pengisytiharan Hibah'**. Melalui perkhidmatan ini, **Pelanggan** boleh menetapkan siapa yang akan menerima hartanahnya (*properties*). **Pelanggan** bebas untuk menetapkan sendiri formula pemberian yang dikehendakinya untuk harta-harta ini.
- 1.1.2 Dari sudut Hukum Syarak, harta-harta yang telah sempurna di hibah mengikut rukun dan syaratnya, akan terkeluar daripada hukum faraid serta tidak perlu diagih kepada waris-waris mengikut hukum faraid. Sebaliknya formula pemberian yang ditetapkan oleh **Pelanggan** di dalam **Dokumen Pengisytiharan Hibah** akan berkuatkuasa.
- 1.1.3 Proses pengesahan hibah di Malaysia adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah. Mahkamah Tinggi Sivil tidak mempunyai bidang kuasa ke atas Hibah.
- 1.1.4 Walau apapun (*notwithstanding*), **Terma dan syarat Perkhidmatan** ini merujuk kepada tanggungjawab keseluruhan yang perlu dilaksanakan oleh kesemua pihak terlibat, **Pelanggan, Pemegang Amanah** (jika ada), **Penerima Hibah** dan **Syarikat**. Apa sahaja yang terkandung di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini adalah tertakluk kepada butiran di dalam **'SIJIL PERKHIDMATAN'** yang disertakan bersama **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini dan **Terma dan Syarat Hibah** yang telah disempurnakan.

- 1.1.5 Kesemua pihak **Pelanggan**, Pemegang Amanah, Penerima Hibah dan **Syarikat** dengan ini faham dan bersetuju dengan **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.
- 1.1.6 Langganan perkhidmatan yang telah diadakan di antara **Pelanggan** dengan wakil sah **Syarikat** adalah di atas sifat redha meredhai iaitu **Pelanggan** redha membayar fi perkhidmatan mengikut jumlah yang ditetapkan bagi mendapatkan perkhidmatan mengikut **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini manakala **Syarikat** melalui wakil sahnya redha menerima bayaran bagi tujuan memberikan perkhidmatan berdasarkan **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.
- 1.1.7 Kedua-dua pihak **Pelanggan** dan **Syarikat** dengan ini faham dan bersetuju bahawa **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini adalah peruntukan yang dipersetujui bersama (*mutually agreed upon*) bagi transaksi ini dan sebarang perselisihan pada masa hadapan (*future dispute*) (jika ada) akan dirujuk kepada peruntukan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

1.2 FI PERKHIDMATAN.

Pelanggan dengan ini faham dan bersetuju bahawa fi perkhidmatan yang dibayar bagi perkhidmatan **HIBAH KOMPREHENSIF (HARTANAH)** ini adalah bagi tujuan mendapatkan perkhidmatan seperti yang disenaraikan di dalam klausa 2 dibawah.

1.3 TEMPOH BERTENANG.

Tempoh bertenang “*Cooling-off Period*” adalah **tujuh (7) hari** dari tarikh penghantaran **Terma dan Syarat Perkhidmatan**. Jika berlaku pembatalan dalam tempoh tersebut, semua pembayaran yang diterima akan dikembalikan kepada **Pelanggan** dengan syarat Borang Pembatalan secara bertulis telah diterima oleh **Syarikat** dalam tempoh bertenang. Borang tersebut boleh dihantar sama ada secara tangan, pos ke pejabat **Syarikat**, *Helpdesk* atau e-mel rasmi **Syarikat**.

Jika berlaku pembatalan selepas tamat tempoh tujuh (7) hari yang diperuntukkan, **tiada** pemulangan wang sepenuhnya (*full refund*) akan dibuat **Syarikat**. **Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa apa sahaja pemulangan wang (*refund*) akan tertakluk kepada klausa 1.3.1, 1.3.2 dan 1.3.3 di bawah.

1.3.1 Pembatalan selepas tempoh bertenang.

Sekiranya **Pelanggan** berhasrat membatalkan perkhidmatan di dalam tempoh **enam puluh (60) hari dari tarikh penghantaran Terma dan Syarat Perkhidmatan**, **Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa hanya separuh (**50%**) daripada jumlah fi perkhidmatan yang telah dibayar akan dipulangkan semula oleh **Syarikat** kepada **Pelanggan**. Pemulangan bayaran ini tertakluk kepada syarat Borang Pembatalan secara bertulis telah diterima oleh **Syarikat** di dalam tempoh tersebut. Borang tersebut boleh dihantar sama ada secara tangan, pos ke pejabat **Syarikat**, *Helpdesk* atau e-mel rasmi **Syarikat**.

1.3.2 Pembatalan selepas tempoh enam puluh (60) hari.

Adalah dipersetujui bersama di antara **Pelanggan** dan **Syarikat** bahawa sekiranya **Pelanggan** berhasrat untuk membatalkan perkhidmatannya selepas tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh

penghantaran terma dan syarat perkhidmatan, tiada sebarang pemulangan wang (*refund*) akan dibuat oleh **Syarikat**.

1.3.3 Pembatalan mengikut klausa 1.3.1 dan 1.3.2 di atas adalah tertakluk kepada syarat draf Dokumen Pengisytiharan Hibah telah diterima oleh **Pelanggan**. Sekiranya draf tersebut belum diterima selepas tempoh enam puluh (60) hari dan merujuk keadaan seperti di klausa 1.4.2 dibawah, **Pelanggan** telah menghantar Borang Pembatalan Bertulis kepada **Syarikat**, pemulangan wang secara penuh (*full refund*) akan dibuat oleh **Syarikat**.

1.3.4 Sebarang cukai, fi atau caj yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah tidak termasuk dalam klausa pemulangan wang ini.

1.4 APA YANG PELANGGAN AKAN TERIMA DI DALAM TEMPOH 30 HARI BEKERJA DARIPADA TARIKH PENDAFTARAN HIBAH.

Tarikh pendaftaran bermaksud tarikh pembayaran fi perkhidmatan iaitu tarikh pembayaran diluluskan oleh **Syarikat**. **Pelanggan** akan menerima perkara berikut di dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja daripada tarikh pendaftaran:

1.4.1 Kad Legasi. Kad ini merupakan kad identifikasi **Pelanggan**. Sebaiknya ia hendaklah disimpan di dalam dompet berserta dengan kad- kad lain seperti kad pengenalan dan kad bank. Apabila berlaku kematian kepada **Pelanggan**, waris perlu menghubungi **CARELINE** di **03-7680 2000** untuk mendapatkan perkhidmatan. Sekiranya terdapat **permohonan kali keempat** untuk cetakan semula kad, pihak **Syarikat** berhak mengenakan caj kepada **Pelanggan**.

1.4.2 Penyediaan Dokumen Pengisytiharan Hibah. **Pelanggan** akan

disediakan **Dokumen Pengisytiharan Hibah** mengikut formula pembahagian yang dikehendakinya di dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh pendaftaran Hibah dengan syarat maklumat lengkap pemilikan harta telah diserahkan kepada **Syarikat**. **Syarikat** hanya mempunyai obligasi untuk menyediakan **Dokumen Pengisytiharan Hibah** di dalam tempoh **30 hari bekerja** dari tarikh semua maklumat lengkap pemilikan telah diterima.

- 143** Bagi **Pelanggan** yang melakukan akad Hibah di sistem usraHDD, tiada dokumen secara fizikal (*hardcopy*) akan disediakan. **Pelanggan** boleh mendapat e-dokumen tersebut selepas menyelesaikan akad di sistem usraHDD dengan melayari aplikasi usraHDD dengan menekan butang “*Dokumen*”.
- 144** **Resit bayaran untuk langganan HIBAH KOMPREHENSIF (HARTANAH)**. **Pelanggan** boleh mendapatkan resit pembayaran dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja melalui Dai’e atau hubungi terus **CARELINE** di 03-7680 2000.
- 145** **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini yang menzahir dan memperincikan spesifikasi perkhidmatan **Syarikat**. Terma dan Syarat ini boleh dihantar secara fizikal (pos) atau di e-mel kepada **Pelanggan**.
- 146** **Sijil Perkhidmatan**. Sijil ini disediakan bertujuan untuk memaklumkan status langganan perkhidmatan yang dilanggan **Pelanggan**.

Sekiranya **Pelanggan tidak menerima mana-mana daripada perkara di*

atas, **Pelanggan** dikehendaki menghubungi CARELINE di 03-7680 2000.

1.5 KAD PELANGGAN (KAD LEGASI) & SIJIL

1.5.1 Kad dan sijil ini adalah **bukti sah** bahawa **Pelanggan** telah membayar untuk perkhidmatan **Syarikat**. **Kad Legasi** akan diberikan sekali seumur hidup kepada **Pelanggan**. **Kad legasi** akan terbatal jika didapati langganan perkhidmatan telah terbatal.

1.5.2 Pengesahan mengenai perkhidmatan **HIBAH KOMPREHENSIF (HARTANAH)** yang dilanggan oleh **Pelanggan** hendaklah dirujuk di dalam sijil perkhidmatan yang disertakan bersama **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

1.6 TANGGUNGJAWAB SYARIKAT.

1.6.1 Tanggungjawab **Syarikat** di dalam melaksanakan hak **Pelanggan** yang diperuntukkan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini adalah bergantung sepenuhnya kepada tanggungjawab yang telah dilaksanakan **Pelanggan** di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

1.6.2 **Syarikat** mempunyai obligasi untuk memberikan perkhidmatan seperti di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini untuk **Pelanggan / Penerima Hibah / Pemegang Amanah**.

1.6.3 **Syarikat** mempunyai tanggungjawab dalam memastikan pengurusan data peribadi **Pelanggan** adalah berdasarkan 7 Prinsip Perlindungan Data

Peribadi. Waris yang berdaftar di dalam sistem sahaja boleh mendapatkan maklumat perkhidmatan.

1.64 Pelanggan dan waris yang didaftarkan sahaja mempunyai akses untuk mendapatkan maklumat perkhidmatan.

1.7 KELAYAKAN PELANGGAN (PEMBERI HIBAH)

1.7.1 Kelayakan umur.

Pelanggan faham bahawa **Pelanggan** yang merupakan **Pemberi Hibah** mestilah seorang yang *mukallaf* dan berumur lebih daripada lapan belas (18) tahun serta faham akan kesan dari tindakan Hibah yang dilakukannya.

1.7.2 Pemilikan harta.

Pelanggan faham dan bersetuju bahawa harta yang dihibahkan **Pelanggan** ialah harta yang sah dimilikinya dari sudut undang-undang, **Pelanggan** mempunyai kuasa penuh untuk bertransaksi ke atas harta tersebut dan harta itu boleh dikenalpasti secara tepat melalui alamat atau dokumen pemilikan harta.

1.7.3 Waras akal fikiran dan tanpa paksaan.

Pelanggan dengan ini mengakui bahawa **Pelanggan** menghibahkan hartanya kepada **Penerima Hibah / Pemegang Amanah** di dalam keadaan waras akal fikiran serta tanpa paksaan dari mana-mana pihak dan faham dengan sepenuhnya kesan dari tindakan menyediakan hibah ini.

1.7.4 Sekiranya harta yang dihibah masih bercagar dengan pemiaya. **Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa, sekiranya harta yang dihibah masih bercagar, adalah menjadi tanggungjawab kepada **Pelanggan** untuk memastikan:

1.7.4.1 Pembayaran bulanan (*monthly installment*) dibayar dengan sempurna mengikut Perjanjian yang telah ditandatangani dengan pihak Pemiaya. **Pelanggan, Penerima Hibah** dan/ atau **Pemegang Amanah** faham bahawa sekiranya **Pelanggan** gagal untuk membayar (*default*) dan jika tindakan undang-undang diambil oleh Pemiaya, maka hibah ini dianggap TERBATAL.

1.7.4.2 Terdapat perlindungan takaful atau insuran (MRTT / MRTA / MLTT / MLTA) atau apa-apa kaedah seperti yang ditetapkan oleh **Syarikat** bagi tujuan menampung baki hutang pinjaman atau menetapkan pihak-pihak yang mampu mengambil tanggungjawab terhadap baki hutang pinjaman harta yang di hibah.

1.8 PENERIMA HIBAH.

1.8.1 **Pelanggan** bersetuju dan faham bahawa **Penerima Hibah** boleh terdiri daripada sesiapa sahaja yang dikehendaknya sama ada individu (tanpa mengira umur), Syarikat Sdn Bhd, Syarikat Perniagaan Tunggal, Persatuan, Pertubuhan atau apa-apa entiti yang berdaftar. Syarat utama kepada **Penerima Hibah** ini ialah **Penerima Hibah** mestilah seseorang atau entiti yang mempunyai kuasa untuk memiliki harta dan tiada sekatan undang-undang ke atasnya untuk memiliki harta itu.

1.82 Pelantikan Pemegang Amanah Harta (Wali Mal). Bagi penerima hibah yang berumur 18 tahun ke bawah, orang kelainan upaya (OKU) dan penerima hibah yang tidak boleh qabul kerana kekangan-kekangan lain, **Pelanggan** mempunyai kuasa untuk melantik seorang pemegang amanah harta (*Wali Mal*) bagi menerima hibah itu bagi pihak **Penerima Hibah**. **Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa **Pelanggan** telah diberikan nasihat bahawa pemegang amanah harta (*Wali Mal*) yang terbaik bagi tujuan ini ialah waris-waris yang mempunyai kaitan dengan **Penerima Hibah** seperti ibu, bapa, abang, kakak, datuk, nenek, bapa atau ibu saudara dan sebagainya. Walaupun demikian, **Pelanggan** bebas untuk membuat keputusan tentang siapa yang ingin dilantik sebagai **Pemegang Amanah harta (Wali Mal)** bagi **Penerima Hibah** tersebut.

1.83 Hibah yang diberikan kepada entiti. Bagi hibah yang diberikan kepada entiti seperti syarikat Sdn Bhd, syarikat perniagaan tunggal, persatuan atau pertubuhan, **Pelanggan** bertanggungjawab untuk memastikan bahawa individu yang dilantik bagi menerima hibah tersebut bagi pihak entiti berkenaan adalah individu yang telah diberikan mandat dan kuasa oleh entiti berkenaan untuk melaksanakan transaksi tersebut. Sekiranya individu ini bukan individu yang mempunyai mandat dan kuasa dan hibah ini tidak boleh dilaksanakan di atas sebab tersebut, **Pelanggan** bersetuju untuk mengindemniti **Syarikat**.

1.9 PEMEGANG AMANAH.

1.9.1 Sesiapapun boleh dilantik sebagai **Pemegang Amanah** sama ada melalui **Terma Syarat Hibah**.

1.9.1.1 Mana-mana pihak sama ada individu atau **Syarikat** boleh dilantik sebagai **Pemegang Amanah**. Bagi tujuan perkhidmatan ini mengikut **Terma dan Syarat Perkhidmatan**. **Pelanggan** akan meletakkan hak harta cair (*liquid asset*) melalui dokumen-dokumen tertentu yang disediakan oleh **Syarikat** (jika ada / perlu) kepada **Pemegang Amanah** bagi menjalankan tanggungjawab seperti di dalam **Terma Syarat Hibah**.

1.9.1.2 Adalah dipersetujui **Pelanggan** dan **Penerima Hibah**, bahawa sekiranya **Syarikat** dilantik sebagai **Pemegang Amanah** bagi tujuan **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini, terdapat caj pengurusan amanah (*trust administration charges*) akan dikenakan oleh **Syarikat**. Walaupun demikian, **Syarikat** mempunyai kuasa penuh untuk menerima atau menolak pelantikan sebagai **Pemegang Amanah** bagi tujuan ini.

1.9.2 Tanggungjawab dan tugas **Pemegang Amanah**.

Tanggungjawab dan tugas utama **Pemegang Amanah** ialah untuk bekerjasama dengan **Syarikat** bagi urusan pembayaran kos proses perundangan seperti yang dinyatakan di dalam klausa 1.9.1.1 di atas berdasarkan amaun yang ditetapkan di dalam **Terma dan Perkhidmatan Hibah**. Tanggungjawab lain **Pemegang Amanah** diperincikan di dalam **Terma dan Syarat Hibah**.

1.9.3 Kegagalan **Pemegang Amanah** menjalankan tanggungjawab.

Adalah difahami **Pemegang Amanah** bahawa kegagalan **Pemegang Amanah** menjalankan tanggungjawab seperti dinyatakan di dalam **Terma dan Syarat Hibah** adalah tindakan pecah amanah yang boleh didakwa mengikut undang- undang sivil.

1.10 PEMBATALAN HIBAH.

Tertakluk kepada klausa 2.3, **Pelanggan** faham dan maklum bahawa Hibah ini boleh dibatalkan mengikut peruntukan klausa berkenaan.

1.11 TANGGUNGAN KOS PROSES PENGESAHAN HIBAH DI MAHKAMAH TINGGI SYARIAH DAN / ATAU MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH.

Pelanggan faham dan bersetuju bahawa :

1.11.1 **Syarikat** telah di dalam kemampuannya dan mengikut pengetahuannya berkaitan peruntukan undang-undang Syariah semasa (*Current Syariah Law*), telah menyediakan **Dokumen Pengisytiharan Hibah** yang patuh kepada undang-undang Syariah yang berkuatkuasa di Malaysia.

1.11.2 Walau apapun (*notwithstanding*), sekiranya terdapat sebarang bantahan dari waris-waris mengikut Hukum Faraid ke atas **Dokumen Pengisytiharan Hibah** ini selepas kematian **Pelanggan**, **Dokumen Pengisytiharan Hibah** ini perlu dibawa melalui proses perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah yang mempunyai bidang kuasa bagi tujuan pengesahan Hibah tersebut. Mahkamah Syariah selepas berpuas hati dengan penyempurnaan rukun dan syarat Hibah ini akan mengeluarkan satu Perintah Pengesahan Hibah bagi tujuan tersebut yang mengesahkan hak Penerima Hibah ke atas harta

yang dihibahkan.

1.11.3 Terdapat kebarangkalian kes ini akan berlanjutan sehingga ke peringkat Mahkamah Rayuan Syariah sekiranya pihak yang kalah perbicaraan di peringkat Mahkamah Tinggi Syariah mengemukakan rayuan. **Syarikat** melalui Panel Peguam Syariah yang dilantiknya akan menguruskan kes sehingga ke tahap Mahkamah Rayuan Syariah.

1.11.4 Segala kos yang berlaku (*incurred*) sepanjang proses pengesahan hibah di Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah (jika ada), tanpa had (*without limitation*), adalah ditampung dari **Akaun Tabarru'** yang disumbangkan oleh semua **Pelanggan** perkhidmatan ini dan diuruskan oleh **Syarikat** seperti di dalam klausa 1.12 di bawah.

1.12 AKAUN TABARRU'.

1.12.1 Pelanggan faham dan bersetuju bahawa sebanyak **sepuluh peratus (10%)** dari fi yang dibayar untuk perkhidmatan ini akan disumbangkan ke dalam satu **Akaun Tabarru'**. Di dalam konteks perkhidmatan ini, *Tabarru'* bermaksud derma ikhlas yang diberikan oleh **Pelanggan** mengikut kadar sumbangan yang ditetapkan iaitu sepuluh peratus (10%) dari fi perkhidmatan, tanpa meminta pertukaran atau balasan, untuk saling memberikan bantuan secara bersama di atas konsep *ta'awun* kepada **Pelanggan** lain yang turut sama menyumbang di dalam akaun berkenaan untuk tujuan menampung kos pengesahan hibah di Mahkamah Tinggi Syariah (jika perlu).

1.122 Deklarasi Amanah (*Trust Declaration*)

1.12.2.1 **Pelanggan** dengan ini mengaku faham bahawa **Pelanggan** telah dijelaskan dengan sepenuhnya mengenai operasi, pelaksanaan dan pengurusan **Akaun Tabarru'** bagi perkhidmatan **Hibah Komprehensif** ini. Atas sebab itu, **Pelanggan** dengan ini redha serta bersetuju bahawa sepuluh peratus (10 %) dari fi perkhidmatan yang dibayar **Pelanggan** akan disumbang ke dalam **Akaun Tabarru'** ini bagi tujuan seperti yang dinyatakan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

1.12.2.2 **Pelanggan** faham bahawa **Syarikat** adalah sebuah entiti yang berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 serta mempunyai kuasa sebagai Pemegang Amanah di bawah peruntukan undang- undang untuk menguruskan **Akaun Tabarru'** sebagai **Pemegang Amanah** bagi pihak **Pelanggan**.

1.12.2.3 **Pelanggan** dengan ini faham dan bersetuju bahawa **Pelanggan** bersetuju melantik **Syarikat** sebagai **Pemegang Amanah** untuk **memegang secara amanah (*hold on trust*)** bagi mengumpul dan mengurus sumbangan **Pelanggan** di dalam **Akaun Tabarru'** tersebut. **Pelanggan** juga faham dan bersetuju bahawa **Akaun Tabarru'** ini akan diuruskan secara kolektif oleh **Syarikat** bagi pihak semua **Pelanggan** yang lain.

1.12.2.4 **Syarikat** dengan ini bersetuju dengan pelantikan sebagai **Pemegang Amanah** bagi pihak **Pelanggan** bagi menguruskan **Akaun Tabarru'** ini dan mengaku janji untuk melaksanakan tanggungjawabnya selaras dengan peruntukan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

- 1.123 Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa kesemua fi perkhidmatan mengikut caj yang ditetapkan **Syarikat** adalah dibayar di atas nama **Syarikat** dan dikreditkan ke dalam akaun operasi **Syarikat**. **Syarikat** kemudiannya bertanggungjawab untuk mengasingkan sepuluh (10%) peratus dari fi perkhidmatan **Pelanggan** sebagai sumbangan ke dalam **Akaun Tabarru'** untuk dikreditkan ke dalam satu akaun berasingan sebagai akaun amanah (*Trust Account*).
- 1.124 Akaun Tabarru'** ini kemudiannya akan diuruskan secara berasingan dari mana-mana akaun operasi **Syarikat** dengan tujuan utama digunakan mengikut **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini. **Akaun Tabarru'** ini juga adalah dikawalselia sepenuhnya oleh Jawatankuasa Amanah dan Pelaburan yang dilantik **Syarikat** dan diaudit secara berasingan dari akaun operasi **Syarikat**.
- 1.125** Di dalam apa jua keadaan, **Syarikat** tidak akan menggunakan dana di dalam **Akaun Tabarru'** ini untuk apa-apa tujuan kecuali bagi tujuan seperti dinyatakan di dalam klausa 2.4 dan 2.6 di bawah sahaja.
- 1.126 Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa apabila berlaku kematian kepada mana-mana **Pelanggan** dan proses pengesahan hibah diperlukan seperti peruntukan klausa 1.11, tertakluk kepada proses di dalam klausa 2.7 di bawah, **Syarikat** akan mendebit **Akaun Tabarru'** berdasarkan jumlah kos sebenar proses pengesahan hibah berkenaan. Proses mendebit **Akaun Tabarru'** ini akan dibuat bagi tempoh dan pada tarikh yang ditetapkan **Syarikat**.

- 1.127 **Pelanggan** dengan ini faham dan bersetuju untuk memberi kuasa penuh kepada **Syarikat** untuk menguruskan **Akaun Tabarru'** ini mengikut kaedah yang difikirkan sesuai oleh **Syarikat**.
- 1.128 **Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa **Pelanggan** tidak akan menikmati apa-apa keuntungan peribadi yang dibayar secara terus kepadanya dari **Akaun Tabarru'** ini.
- 1.129 **Pelanggan** faham bahawa **Pelanggan** tidak boleh menuntut sumbangan yang telah diberinya kepada **Akaun Tabarru'** apabila langganannya sudah tidak sah (*invalid*) atau apabila **Pelanggan** membatalkan langganannya.
- 1.12.10 Adalah dipersetujui bersama oleh **Pelanggan** dan **Syarikat** bahawa keseluruhan klausa 1.12 ini adalah dianggap sebagai deklarasi amanah (*trust declaration*) di antara **Pelanggan** dan **Syarikat** bagi melaksanakan tanggungjawabnya menguruskan **Akaun tabarru'** ini.
- 1.12.11 Selain dari kuasa dan tanggungjawab yang dinyatakan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini, adalah diperakui bersama bahawa kuasa **Syarikat** sebagai **Pemegang Amanah** kepada **Akaun Tabarru'** ini adalah tertakluk sepenuhnya di bawah Akta Pemegang Amanah 1949.
- 1.12.12 **Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa sekiranya kesemua waris **Pelanggan** bersetuju dengan **Dokumen Pengisytiharan Hibah** yang dibuat **Pelanggan** dan tiada keperluan untuk proses pengesahan hibah dibuat di Mahkamah Tinggi Syariah, sumbangan **Pelanggan** ke dalam **Akaun Tabarru'** ini adalah derma ikhlas **Pelanggan** kepada **Akaun Tabarru'** seperti dinyatakan di dalam klausa 1.12.1 di atas bagi tujuan yang dinyatakan dan tiada sebarang pemulangan wang dari sumbangan

Pelanggan akan dilakukan.

1.12.13 Adalah dipersetujui bersama bahawa sekiranya **Pelanggan** memilih untuk membayar secara ansuran bagi perkhidmatan ini dan **Pelanggan** meninggal dunia dalam keadaan terdapat baki ansuran yang masih tertunggak seperti di dalam klausa 4.1.15 di bawah, tanggungjawab untuk menyelesaikan baki ansuran tersebut ialah tanggungjawab **Penerima Hibah / Pemegang Amanah**. **Penerima Hibah / Pemegang Amanah** faham bahawa **Penerima Hibah / Pemegang Amanah** tidak berhak menikmati penggunaan **Akaun Tabarru'** mengikut tujuan seperti dinyatakan di dalam klausa 1.12 sekiranya baki ansuran yang tertunggak ke atas perkhidmatan ini selepas kematian **Pelanggan** tidak dijelaskan sepenuhnya.

1.13 TEMPOH KUATKUASA PERKHIDMATAN MENGIKUT TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN.

Tempoh kuatkuasa perkhidmatan seperti dinyatakan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini ialah sebaik sahaja **Dokumen Pengisytiharan Hibah** disempurnakan oleh **Pelanggan**. Disempurnakan bermaksud **Pelanggan, Pemegang Amanah, Penerima Hibah** dan Saksi-saksi telah menandatangani **Dokumen Pengisytiharan Hibah**.

1.14 TINDAKAN YANG PERLU DILAKUKAN OLEH PENERIMA HIBAH / PEMEGANG AMANAH SELEPAS KEMATIAN PELANGGAN

Selepas kematian **Pelanggan**, **Penerima Hibah / Pemegang Amanah** perlu menghubungi **CARELINE** di talian **03-7680 2000** bagi memaklumkan kematian **Pelanggan** kepada Syarikat.

1.15 TANGGUNGJAWAB PELANGGAN.

Pelanggan sebagai **Pemberi hibah** dengan ini bersetuju dan faham bahawa **Pelanggan** mempunyai tanggungjawab berikut bagi memastikan perkhidmatan **HIBAH KOMPREHENSIF (HARTANAH)** ini dapat dilaksanakan dengan berkesan:

- 1.15.1 Maklumat pemilikan hartanah dan maklumat lain berkaitannya adalah maklumat yang tepat dan paling terkini di dalam simpanan dan pengetahuan **Pelanggan**.
- 1.15.2 Memastikan bahawa jika terdapat sebarang perubahan dari segi hasrat pembahagian hibah, perubahan tersebut hendaklah melalui proses seperti yang tertakluk di dalam klausa 2.2 dan 2.3 di bawah.
- 1.15.3 Sekiranya harta yang dihibah masih di bawah tanggungan pembiaya (*encumbered*) **Pelanggan** bertanggungjawab untuk memastikan bahawa obligasi bayaran semula pinjaman dilunaskan dengan baik bagi memastikan hak **Penerima Hibah** terhadap harta hibah tersebut tidak terjejas.
- 1.15.4 Sekiranya harta yang di hibah masih di bawah tanggungan pembiaya (*encumbered*), **Pelanggan** bertanggungjawab untuk memastikan bahawa terdapat perlindungan takaful / insuran / harta pusaka / peruntukan yang mencukupi untuk menampung apa sahaja baki pinjaman sekiranya **Pelanggan** meninggal dunia sebelum tamat tempoh pembayaran pinjaman atau kepada apa-apa terma yang ditetapkan oleh **Syarikat**.

1.155 Di dalam apa jua keadaan, adalah menjadi tanggungjawab **Pelanggan** untuk memastikan dokumen-dokumen berkaitan pemilikan harta seperti Perjanjian Jual beli asal (*Original Sales and Purchase Agreement*), Geran tanah salinan asal (*Original Tittle*), resit pembayaran cukai tanah, Surat Tawaran Pinjaman Bank (*Offer Letter Loan*), penyata akaun bank, salinan asal geran kenderaan dan lain-lain dokumen berkaitan, disimpan dengan selamat oleh **Pelanggan** dan telah dimaklumkan kepada **Penerima Hibah/** waris-waris tentang lokasi dokumen-dokumen ini disimpan.

1.156 Pelanggan mempunyai tanggungjawab untuk memberikan dokumen sokongan kepada Dai'e untuk diserahkan kepada pihak **Syarikat** bagi proses dokumentasi.

1.157 Sekiranya dokumen sokongan **Pelanggan** tidak di serahkan kepada **Syarikat** dalam masa yang ditetapkan, **pelanggan** bersetuju untuk mengindemniti **syarikat** dan sekiranya berlaku kematian kepada **pelanggan**, produk tersebut akan dipindah kepada proses pengurusan pusaka sekiranya **Pelanggan** melanggan produk **PRA** atau produk **Al Wasitah** tidak aktif. Sekiranya terdapat kos melebihi caj perkhidmatan sebelum ini, waris perlu menanggung perbezaan tersebut. Sekiranya waris tidak bersetuju, tiada pemulangan wang yang dibuat.

1.158 Sebarang cukai yang mungkin dikenakan terhadap harta dan/atau hartanah dan/atau Akaun milik **Pelanggan** tidak ditanggung oleh **Syarikat**.

1.159 Bagi penghantaran dokumen **Pelanggan** secara pos keluar negara (selain dalam Malaysia), pihak **Syarikat** tidak akan menanggung sebarang kos penghantaran. **Pelanggan** atau Dai'e perlu

bertanggungjawab untuk menanggung sendiri kos penghantaran sehingga akhir proses penghantaran. Caj tertakluk kepada liabiliti **Pelanggan**.

1.15.10 Setelah Dokumen Simpanan **Pelanggan** diterima, **Pelanggan** perlu membuat pengesahan penerimaan dokumen simpanan dengan mengimbas **Kod QR Kaji Selidik** pada kad yang dilampirkan bersama dokumen simpanan.

1.15.11 Sekiranya **Pelanggan** mengalami kesulitan untuk mengimbas **Kod QR Kaji Selidik**, **Pelanggan** perlu mengisi kaji selidik secara bertulis pada belakang kad kaji selidik kemudian kembalikan semula kepada **Syarikat** melalui serahan tangan kepada Dai'e atau e-mel ke telewasiyyah@wasiyyahshoppe.com.my atau hantar ke talian *WhatsApp Careline* 6014-986 1123 dalam tempoh **14 hari** setelah menerima dokumen simpanan. Ganjaran kaji selidik akan diberi kepada **Pelanggan** yang selesai membuat kaji selidik setiap bulan.

1.15.12 Sekiranya **Syarikat** tidak menerima sebarang maklumbalas kaji selidik melalui medium yang telah dijelaskan seperti di atas, pihak **Syarikat** beranggapan bahawa **Pelanggan** masih belum menerima dokumen tersebut. **Pelanggan** perlu membuat laporan kepada pihak **Syarikat** untuk semakan dan tindakan.

1.16 MAKLUMAN UMUM BERKAITAN PROSES TUKARMILIK HARTANAH YANG DIHIBAHKAN.

1.16.1 Adalah dipersetujui bersama oleh kesemua pihak **Pelanggan, Penerima Hibah, Pemegang Amanah** dan **Syarikat** bahawa perkhidmatan

pengesahan hibah di Mahkamah Tinggi Syariah adalah termasuk sebagai perkhidmatan yang akan diberikan mengikut klausa 2.6 di bawah. Adalah dipersetujui oleh kesemua pihak **Pelanggan, Penerima Hibah, Pemegang Amanah dan Syarikat** bahawa **Syarikat** telah di dalam kemampuannya dan mengikut pengetahuannya berkaitan peruntukan undang-undang Syariah semasa (*Current Syariah Law*), telah menyediakan **Dokumen Pengisytiharan Hibah** yang sempurna dan patuh kepada undang-undang berkenaan. Adalah dipersetujui bersama bahawa dari pandangan Hukum Syarak, **Dokumen Pengisytiharan Hibah** yang telah disempurnakan dengan lengkap rukun dan syaratnya adalah **SAH**.

1.162 Kecuali bagi Hibah yang diberikan kepada bukan waris mengikut Hukum Faraid dan kes dibicarakan di Pejabat Pusaka Kecil, adalah difahami **Pelanggan** bahawa sekiranya tiada sebarang bantahan dari waris-warisan mengikut Hukum Faraid ke atas **Dokumen Pengisytiharan Hibah**, maka tiada keperluan kes di bawah ke Mahkamah Syariah. Waris-warisan boleh bersetuju dan bermuafakat tentang Hibah **Pelanggan** di Pejabat Pusaka Kecil atau Mahkamah Tinggi Sipil.

1.163 **Pelanggan** faham dan bersetuju serta telah dimaklumkan oleh **Syarikat** bahawa bagi hartanah sahaja, Perintah Pengesahan Hibah di dalam klausa 2.6 bukanlah Perintah yang diterima bagi tujuan tukarmilik. Perintah Pengesahan Hibah ini perlu dibawa ke dalam bicara kuasa di Pejabat Pusaka Kecil (bagi kes pusaka bernilai RM 5 juta dan ke bawah serta mempunyai harta tak alih) dan di Mahkamah Tinggi Sipil (bagi kes pusaka bernilai RM 5 juta dan ke atas), untuk dimasukkan (*inserted*) di dalam

Perintah Pembahagian (Kes Pejabat Pusaka Kecil) dan *Distribution Order* (kes Mahkamah Tinggi Sivil). Hanya Perintah Pembahagian dan *Distribution Order* yang boleh digunapakai bagi tujuan tukarmilik hartanah.

1.164 Walau apapun (*notwithstanding*), **Pelanggan** mempunyai hak untuk mendapatkan Perintah Pengesahan Hibah ketika masih hidup namun perlu membayar kos perundangan seperti yang ditetapkan **Syarikat**.

1.17 PENAMBAHAN HARTANAH UNTUK DIHIBAH PADA MASA HADAPAN.

Bagi **Pelanggan** yang telah mendapatkan perkhidmatan **Hibah Komprehensif**, sekiranya terdapat hartanah tambahan yang ingin dihibahkan pada masa hadapan, **Pelanggan** hanya perlu membayar kepada **Syarikat** mengikut caj yang ditetapkan untuk penyediaan **Dokumen Pengisytiharan Hibah** baru bagi hartanah berkenaan sahaja mengikut caj yang ditetapkan **Syarikat**. Tanggungan kos pengesahan hibah melalui **Akaun Tabarru'** akan dibuat bagi hartanah yang dihibah di dalam **Dokumen Pengisytiharan Hibah** sedia ada dan **Dokumen Pengisytiharan Hibah** pada masa hadapan.

1.18 PENYATA AKHIR PROSES PENGESAHAN HIBAH.

Satu Penyata Akhir Proses Pengesahan Hibah akan dihantar kepada **Penerima Hibah / Pemegang Amanah** apabila Perintah Pengesahan Hibah sama ada dari Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah (jika perlu) telah dikeluarkan. Penyata akhir ini disediakan bagi tujuan memaklumkan kepada **Penerima Hibah / Pemegang Amanah** mengenai jumlah kos yang digunakan dari **Akaun Tabarru'** bagi tujuan ini. **Penerima Hibah / Pemegang Amanah** tidak perlu membayar apa-apa kos tersebut.

2. MANFAAT UNTUK PELANGGAN / PENERIMA HIBAH

Pelanggan faham, redha dan bersetuju bahawa fi perkhidmatan **HIBAH KOMPREHENSIF (HARTANAH)** yang dibayar **Pelanggan** adalah bagi tujuan mendapatkan perkhidmatan seperti di bawah :

2.1 PERKHIDMATAN PENYEDIAAN DOKUMEN PENGISYTIHARAN HIBAH MENGIKUT KEPERLUANNYA.

2.1.1 Bagi tujuan '**HIBAH**', **Syarikat** akan menyediakan **Dokumen Pengisytiharan Hibah** yang menzahirkan hasrat **Pelanggan** untuk menghibahkan harta-harta ini mengikut formula pembahagian yang dikehendakinya.

2.1.2 Dokumen yang telah lengkap ditandatangani oleh **Pelanggan, Pemegang Amanah / Penerima Hibah**, yang telah sempurna rukun dan syaratnya adalah dianggap sah di sisi Undang-undang Syarak . Walau apapun sekiranya diperlukan, proses pengesahan dokumen ini perlu dilaksanakan di Mahkamah Tinggi Syariah.

2.2 PERKHIDMATAN PERUBAHAN DOKUMEN PENGISYTIHARAN HIBAH.

2.2.1 Merujuk kepada keadaan di mana **Pelanggan** berhasrat untuk **mengubah formula** pembahagian atau **nama penerima hibah** bagi harta-harta yang tercatat di dalam **Dokumen Pengisytiharan Hibah** sedia ada, **Pelanggan** tidak perlu membayar apa-apa fi perubahan selepas akad hibah telah dilaksanakan kecuali bagi fi statutori dan yang berkaitan dengannya.

2.2.2 Walau bagaimanapun, jika sekiranya **Pelanggan** berhasrat membuat perubahan dokumen dengan **pertambahan nilai harta dihibah atau**

terdapat harta tak alih baru yang ingin dihibahkan, maka caj yang perlu dibayar adalah merujuk kepada **jadual caj perkhidmatan Syarikat**.

2.3 PERKHIDMATAN PENYEDIAAN AKUAN PEMBATALAN HIBAH.

Merujuk kepada keadaan di mana **Pelanggan** berhasrat untuk membatalkan **Dokumen Pengisytiharan Hibah** sedia ada. Pembatalan boleh dibuat di dalam dua keadaan berikut :

- 23.1 Pelanggan** boleh membatalkan hibah **secara ex-parte** (pembatalan oleh sebelah pihak) dengan **Pelanggan** sahaja menandatangani Akuan Pembatalan Hibah. Pembatalan secara **ex-parte** ini hanya boleh dibuat sekiranya penerima hibah terdiri dari anak kandung, cucu kandung, cicit kandung atau waris nasab keturunan sahaja.
- 23.2 Pelanggan** hanya boleh membatalkan hibah **secara inter-parte** (pembatalan kedua belah pihak dengan **Pelanggan** dan **Penerima Hibah** perlu menandatangani Akuan Pembatalan Hibah) sekiranya **Penerima Hibah** ialah selain dari pihak yang dinyatakan di dalam klausa 2.3.1 di atas.
- 23.3 Pelanggan** perlu menghubungi **Syarikat** di talian **CARELINE 03-7680 2000** bagi menyediakan Akuan Pembatalan Hibah. Sekiranya **Pelanggan** membatalkan hibah dengan mengambil apa-apa tindakan yang ditafsir sebagai pembatalan hibah di luar pengetahuan **Syarikat**, **Pelanggan** dianggap telah bersetuju untuk mengindemniti **Syarikat** dari sebarang kegagalan / kerosakan kepada fungsi **Dokumen Pengisytiharan Hibah** dan proses yang tertakluk ke atasnya.

2.4 PERKHIDMATAN RUNDINGCARA UNTUK PENERIMA HIBAH, PEMEGANG AMANAH DAN SEMUA PIHAK YANG BERKEPENTINGAN TERHADAP HARTA.

Bagi **Pelanggan HIBAH KOMPREHENSIF**, khidmat rundingcara peribadi pengurusan harta pusaka dan pembacaan khutbah pusaka (sekali sahaja) akan dijalankan secara dalam talian melalui mana-mana platform komunikasi maya yang akan ditentukan oleh **Syarikat** dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, waris **Pelanggan** boleh memohon pelaksanaan khidmat rundingcara peribadi pengurusan harta pusaka dan pembacaan khutbah pusaka di mana-mana lokasi di Semenanjung Malaysia pada bila-bila masa yang dikehendaki waris (tertakluk kepada kebolehsediaan Pegawai Syarikat). Di dalam sesi rundingcara ini, **Penerima Hibah** / waris-waris akan diterangkan mengenai:

- 24.1 Dokumen Pengisytiharan Hibah** yang telah dibuat oleh **Pelanggan semasa hidupnya. Penerima Hibah / Pemegang Amanah** / waris-waris akan dijelaskan mengenai hukum berkaitan hibah dan kesan dokumen berkenaan dari segi undang- undang syariah.
- 24.2 Hasrat pembahagian harta yang dihibah seperti yang diinginkan oleh Pelanggan. Penerima Hibah / Pemegang Amanah** / waris-waris akan dijelaskan mengenai siapakah yang akan menerima harta hibah mengikut arahan pembahagian di dalam **Dokumen Pengisytiharan Hibah**.
- 24.3 Proses perundangan yang perlu dilalui oleh Penerima Hibah / Pemegang Amanah** / waris-waris. **Penerima Hibah / Pemegang Amanah** / waris-waris juga akan diterangkan mengenai proses perundangan yang perlu dilalui sebelum mereka boleh menerima harta hibah berkenaan.

244 Kos proses pengesahan hibah yang akan ditanggung melalui **Akaun Tabarru'** mengikut peruntukan **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

2.5 PERKHIDMATAN MENYIMPANSELAMAT DOKUMEN (DOCUMENT SAFEKEEPING SERVICE)

25.1 Dua (2) salinan asal (*original copy*) **Dokumen Pengisytiharan Hibah** akan dicetak oleh **Syarikat** bagi perkhidmatan **HIBAH KOMPREHENSIF (HARTANAH)** ini. **Syarikat** akan menyimpanselamat sesalinan **Dokumen Pengisytiharan Hibah**. Sesalinan asal yang lain (*another original copy*) akan diserahkan semula kepada **Pelanggan** tidak termasuk kepada **Pelanggan** yang melakukan akad Hibah melalui sistem usraHDD merujuk kepada klausa 1.4.3. **Syarikat** boleh memilih untuk menyimpanselamat dokumen di dalam bentuk digital.

2.6 PERKHIDMATAN PENGESAHAN HIBAH DI MAHKAMAH SYARIAH.

Selepas **Pelanggan** meninggal dunia dan perkhidmatan rundingcara mengikut klausa 2.4 di atas diberikan, **Syarikat** akan memulakan prosiding pengesahan hibah di Mahkamah Tinggi Syariah (jika perlu). Di antara perkhidmatan yang diberikan ialah:

26.1 **Syarikat** akan mengarahkan Panel Peguam Syariah **Syarikat** untuk memulakan prosiding permohonan pengesahan hibah di Mahkamah Tinggi Syariah. Peguam akan mengendalikan kes sehingga Perintah Pengesahan Hibah dikeluarkan.

- 262** Peguam akan mengendalikan kes sehingga ke tahap Mahkamah Rayuan Syariah sekiranya terdapat rayuan dari mana-mana pihak (jika perlu).
- 263** Segala kos pelantikan Peguam Syariah dan kos-kos yang berkaitan dengan proses ini termasuk kos yang dikenakan oleh Mahkamah Tinggi Syariah dan / atau Mahkamah Rayuan Syariah adalah ditanggung melalui **Akaun Tabarru'** yang disumbangkan secara bersama oleh **Pelanggan-Pelanggan** perkhidmatan ini dan diuruskan oleh **Syarikat** mengikut klausa 1.12 di atas.
- 264** **Penerima Hibah** dan **Pemegang Amanah** tidak perlu mengeluarkan apa-apa kos bagi menampung proses pengesahan hibah ini.
- 265** Walau apapun (*notwithstanding*), **Pelanggan** berhak untuk mendapatkan perkhidmatan pengesahan hibah semasa hidup dengan membayar fi tambahan (*additional fee*) yang ditetapkan oleh **Syarikat**. Sumbangan **Pelanggan** kepada **Akaun Tabarru'** hanya dikhaskan untuk menampung apa-apa kos perundangan yang mungkin timbul dari hibah yang dibuat selepas kematian **Pelanggan** sahaja.

2.7 PERKHIDMATAN PENGURUSAN HARTA PUSAKA KESELURUHAN

Perkhidmatan **Hibah Komprehensif** hanya tertakluk ke atas harta yang dihibah mengikut perkhidmatan ini sahaja dan bukan bagi keseluruhan harta pusaka **Pelanggan**. **Syarikat** hanya akan memberikan perkhidmatan pengurusan harta pusaka keseluruhan untuk **Pelanggan** sekiranya **Pelanggan** meninggal dunia di dalam keadaan **Pelanggan** adalah **Pelanggan** sah pakej pengurusan harta pusaka **Al-Wasitah Syarikat** atau tertakluk kepada mana-mana peruntukan (*allocation*) yang telah dibuat.



3. NOTIS PINDAAN

- 3.1 Bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan memberi nilai tambah (*value added*) kepada **Pelanggan, Syarikat** pada bila-bila masa boleh mengubah mana-mana peruntukan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini dengan menghantar satu (1) notis bertempoh tiga puluh (30) hari melalui pos, sms dan/atau email kepada **Pelanggan**. Bukti penghantaran notis ini dianggap sebagai bukti penerimaan oleh **Pelanggan**.
- 3.2 **Pelanggan** mempunyai hak untuk tidak bersetuju dengan apa-apa pindaan berkenaan dengan menghantar satu notis bertulis kepada **Syarikat** sebelum tamat tempoh notis 30 hari di atas. **Pelanggan** yang tidak mengemukakan sebarang notis ketidaksetujuan di dalam tempoh di atas telah dianggap bersetuju dengan pindaan tersebut.
- 3.3 **Pelanggan** yang telah bertindak mengikut peruntukan pada klausa 3.2 di atas dianggap telah tidak bersetuju dengan pindaan yang dinotiskan dan pindaan tersebut dianggap tidak tertakluk ke atas mereka. **Terma dan Syarat Perkhidmatan** yang asal dianggap berkuatkuasa untuk **Pelanggan** berkenaan tertakluk kepada penerimaan notis dari **Pelanggan** di dalam tempoh 30 hari di atas.
- 3.4 Walau apapun (*notwithstanding*) klausa 3.2 tidak tertakluk kepada pindaan berkenaan apa-apa cukai yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sekiranya terdapat pelaksanaan baharu atau pindaan terhadap apa-apa cukai, fi, atau caj tambahan oleh Kerajaan pada masa kini atau pada masa hadapan yang berkaitan dengan produk atau perkhidmatan ini, semua bayaran tersebut adalah menjadi tanggungjawab **Pelanggan**. Sekiranya berlaku kematian

sebelum bayaran tersebut dijelaskan, tanggungan berkenaan hendaklah diselesaikan oleh waris **Pelanggan** dan boleh dituntut daripada harta pusaka **Pelanggan**.

4. CUKAI, LEVI ATAU OBLIGASI STATUTORI KERAJAAN

- 4.1.1 Sebarang fi atau cukai yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah tidak termasuk dalam harga produk, caj perkhidmatan atau amaun pemulangan wang.
- 4.1.2 Semua fi atau cukai Kerajaan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh **Pelanggan**. **Syarikat** berhak mengenakan cukai tersebut kepada **Pelanggan** apabila fi atau caj tersebut berkuatkuasa.
- 4.1.3 Sekiranya terdapat cukai baharu diperkenalkan atau perubahan kadar cukai, **Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa sebarang pertambahan fi akibat daripada perubahan tersebut akan diselaraskan dalam invois pembayaran berikutnya.
- 4.1.4 Amaun pemulangan wang yang diproses oleh **Syarikat** tidak termasuk fi atau cukai kerajaan. Caj tersebut kekal sebagai tanggungan **Pelanggan** dan tidak akan dipulangkan.

5. INDEMNITI SYARIKAT

5.1 Tujuan :

Kesemua pihak, **Pelanggan**, **Penerima Hibah** dan **Pemegang Amanah**, bersetuju untuk mengindemniti dan melepaskan **Syarikat** dari sebarang kegagalan perkhidmatan ini di dalam keadaan-keadaan berikut:

- 5.1.1 **Pelanggan** telah memberikan maklumat tidak tepat kepada **Syarikat** berkaitan maklumat pemilikan harta dan diskripsinya.
- 5.1.2 **Pelanggan** telah menyembunyikan sebarang penyakit kritikal yang dihadapinya ketika menandatangani **Dokumen Pengisytiharan Hibah** dan meninggal dunia akibat penyakit tersebut. Kematian tersebut kemudiannya telah ditafsirkan sebagai '**Mardhal-mawt**' oleh Mahkamah Tinggi Syariah sehingga menyebabkan hibah tersebut terbatal.
- 5.1.3 **Pelanggan** semasa hidupnya telah membuat apa-apa tindakan yang menyebabkan harta yang telah dihibah ini diserahkan (*assign*), dicagar (*mortgaged*) atau dijual (*sold*) kepada pihak ketiga tanpa memaklumkan kepada **Syarikat**.
- 5.1.4 **Pelanggan** telah menghibahkan harta ini kepada entiti seperti syarikat Sdn Bhd, syarikat perniagaan tunggal, persatuan atau pertubuhan tetapi telah gagal mengenalpasti secara tepat siapakah individu yang mempunyai mandat dan kuasa bagi menerima hibah ini bagi pihak entiti tersebut sehingga mengakibatkan hibah ini tidak boleh dilaksanakan.
- 5.1.5 **Pelanggan** telah menghibahkan harta kepada **Pemegang Amanah** melalui

Terma dan Syarat Hibah dan **Pemegang Amanah** gagal bertindak untuk melaksanakan amanah seperti yang termaktub di dalam **Terma dan Syarat Hibah** tersebut. Sekiranya terdapat tindakan undang-undang tambahan akibat kegagalan **Pemegang Amanah** tersebut, kos bagi proses undang-undang tersebut **TIDAK TERMASUK** sebagai kos yang ditanggung melalui **Akaun Tabarru'**. Pihak- pihak yang menuntut perlu menampung sendiri kos berkenaan.

- 5.1.6 Penerima hibah / Pemegang Amanah** gagal menghubungi **Syarikat** bagi mendapatkan perkhidmatan selepas lapan belas (18) bulan kematian **Pelanggan**.
- 5.1.7 Pelanggan** semasa hidupnya berhasrat untuk membatalkan hibah namun gagal memaklumkan kepada **Syarikat** mengenai hasrat tersebut serta tiada sebarang dokumen pembatalan hibah dibuat dan dilengkapkan olehnya.
- 5.1.8 Pelanggan** mengetahui secara jelas bahawa dia berada di dalam risiko untuk diisytiharkan sebagai seorang insolven atau apa-apa tindakan undang-undang yang mungkin menyebabkan harta hibah ini diambil-alih oleh pihak ketiga, namun masih meneruskan hasrat untuk menghibahkan harta ini.
- 5.1.9 Pelanggan** telah mendapatkan nasihat perundangan dari pihak ketiga yang tidak mempunyai kaitan dengan **Syarikat** dan telah memodifikasi **Dokumen Pengisytiharan Hibah** tanpa pengetahuan **Syarikat**.
- 5.1.10 Penerima Hibah / Pemegang Amanah** selepas kematian **Pelanggan**, tanpa pengetahuan dan kebenaran bertulis dari **Syarikat**, telah

mendapatkan perkhidmatan peguam / pihak ketiga yang tiada kaitan dengan **Syarikat. Penerima Hibah / Pemegang Amanah** dengan ini bersetuju untuk mengindemniti **Syarikat** dari menanggung apa-apa kos dari tindakan ini dan juga bersetuju untuk mengindemniti **Syarikat** sekiranya **Dokumen Pengisytiharan Hibah** ini gagal disahkan di Mahkamah Tinggi Syariah.

5.1.11 Adalah dipersetujui bersama bahawa **Dokumen Pengisytiharan Hibah** ini telah disediakan mengikut peruntukan undang-undang semasa yang berkuatkuasa. **Pelanggan** bersetuju untuk mengindemniti **Syarikat** jika terdapat apa-apa perubahan di dalam undang-undang Syariah yang berkaitan hibah pada masa hadapan sekiranya perubahan undang-undang ini telah dikomunikasikan oleh **Syarikat** kepada **Pelanggan** supaya perubahan **Dokumen Pengisytiharan Hibahnya** dibuat tetapi **Pelanggan** telah gagal bertindak balas memaklumkan **Syarikat** mengenai kesediaannya untuk mengubah **Dokumen Pengisytiharan Hibah** tersebut.

5.1.12 Terdapat tindakan oleh pihak berkuasa ke atas harta yang dihibah yang menyebabkan status pemilikan harta tersebut berubah.

5.1.13 Kuasa alam semulajadi / bencana alam yang menyebabkan kemusnahan secara keseluruhan (*total*) harta yang dihibah.

5.1.14 Sekiranya **Pelanggan** memilih untuk membayar melalui kaedah ansuran bagi perkhidmatan ini:

5.1.14.1 Pelanggan faham bahawa kedua-dua salinan asal (*original copy*) ini akan disimpan oleh **Syarikat** sehingga baki bayaran ansuran ini dijelaskan sepenuhnya oleh **Pelanggan** atau **Penerima Hibah / Pemegang Amanah** / waris-waris (jika **Pelanggan** meninggal dunia

di dalam keadaan bayaran ansurannya masih tertunggak). Hanya apabila segala bayaran ansuran dilunaskan sepenuhnya, sesalinan asal (*original copy*) akan diserahkan semula kepada **Pelanggan** atau kepada **Penerima Hibah / Pemegang Amanah** waris-waris (jika **Pelanggan** sudah meninggal dunia). Sesalinan asal yang lain (*another original copy*) akan disimpan selamat oleh **Syarikat**. **Penerima Hibah / Pemegang Amanah** tidak menikmati penggunaan **Akaun Tabarru'** seperti dinyatakan di dalam klausa 1.12 sekiranya baki ansuran yang tertunggak ke atas perkhidmatan ini selepas kematian **Pelanggan** tidak dijelaskan sepenuhnya.

5.1.15 Sekiranya **Pelanggan** meninggal dunia sebelum semua bayaran ansuran dijelaskan, baki jumlah (*total*) ansuran tertunggak dianggap hutang si mati dan perlu dijelaskan sepenuhnya (*in full*) oleh **Penerima Hibah / Pemegang Amanah /** waris-waris kepada **Syarikat**. **Penerima Hibah / Pemegang Amanah /** waris-waris faham dan bersetuju bahawa **Syarikat** hanya akan memberi perkhidmatan berdasarkan **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini selepas bayaran tertunggak dijelaskan sepenuhnya.

5.2 Pelanggan faham dan bersetuju bahawa **Pelanggan** telah dimaklumkan oleh **Syarikat**:

5.2.1 Jika ada harta yang dihibahkan di bawah perkhidmatan ini adalah harta yang berada di luar Malaysia, **Dokumen Pengisytiharan Hibah** yang disempurnakan **Pelanggan** hanya bertindak sebagai panduan untuk agihan harta tersebut sahaja. Tukarmilik harta tersebut dari nama **Pelanggan** kepada nama **Penerima Hibah** adalah sepenuhnya di bawah budi bicara Wasi / Pentadbir harta pusaka **Pelanggan** yang telah diberikan kuasa oleh Mahkamah yang kompeten di mana harta tersebut berada dan akan ditadbir sepenuhnya mengikut peruntukan undang-undang negara berkenaan.

522 Sekiranya hibah yang dibuat ialah hibah bagi harta yang masih bercagar dengan pihak pembiaya;

5.2.2.1 Adalah menjadi tanggungjawab **Pelanggan** untuk menyimpan dan mengumpul dokumen berkaitan seperti Perjanjian Jual Beli, geran hakmilik, surat tawaran pinjaman (*Offer Letter Loan*) atau apa sahaja dokumen yang berkaitan dengan pemilikan harta tersebut. Adalah difahami oleh **Pelanggan** bahawa dokumen-dokumen ini diperlukan ketika pelaksanaan hibah. **Pelanggan** bersetuju untuk mengindemniti **Syarikat** sekiranya **Syarikat** gagal menguruskan hibah mengikut **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini sekiranya ia berpunca dari kegagalan **Pelanggan / Penerima Hibah / Pemegang Amanah** waris-warisan membekalkan dokumen-dokumen ini kepada **Syarikat** ketika pelaksanaan hibah ingin dibuat.

5.2.2.2 **Pelanggan** tertakluk kepada keperluan seperti di dalam klausa 4.2.2.1 di atas.

5.3 Kedua-dua pihak bersetuju bahawa **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini adalah mengikat **Penerima hibah, Pemegang Amanah**, wasi, pentadbir harta pusaka, waris-warisan dan semua pihak yang berkepentingan terhadap harta ini.

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG